



SEBAHAGIAN bakal jemaah untuk menunaikan ibadat umrah membuat laporan polis apabila mereka mendakwa ditipu sebuah agensi pelancongan pada April lalu.

Kuala Lumpur: Tunai umrah guna kaedah *multilevel marketing* (MLM) antara taktik digunakan individu tidak bertanggungjawab bagi memancing mangsa dengan harga yang kononnya jauh lebih murah berbanding syarikat pengendali berlesen.

Difahamkan, individu itu turut merekrut dan melatih ejen bagi mencari mangsa yang berminat mengerjakan umrah menerusi tawaran pakej umrah berkonsepkan 'DIY'.

Namun lain pula jadinya apabila niat untuk berjimat bertukar tragedi apabila ramai menjadi mangsa individu tidak bertanggungjawab terbabit yang tergamak menggunakan agama demi mengaut keuntungan.

Selain itu, ada juga selebriti yang dijadikan *poster boy* oleh segelintir syarikat tidak bertanggungjawab bagi meyakinkan orang ramai membeli pelbagai pakej umrah ditawarkan.

Taktik lain digunakan termasuk menawarkan pakej umrah pada harga yang tak masuk akal malah di bawah harga saranan Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (Motac) iaitu RM7,890.

Ramai mangsa terutama dari golongan berpendapatan rendah termakan umpan syarikat terbabit yang menawarkan pakej umrah bermula RM5,000, malah turut menawarkan diskaun tambahan.

Lebih parah apabila ada sesetengah syarikat berlesen Pengelola Jemaah Haji (PJH) yang berdaftar di bawah Tabung Haji (TH) turut menipu bakal jemaah dengan pelbagai janji manis yang akhirnya tidak mampu ditunaikan.

Perkara itu didedahkan oleh Setiausaha Bahagian Perlesenan dan Penguatkuasaan Motac Roslan Mohamad yang menganggarkan sekitar 800 hingga 1,000 jemaah diterbangkan ke Arab Saudi bagi mengerjakan umrah setiap hari.

Menurutnya, jemaah umrah sering menjadi sasaran kerana permintaan tinggi umat Islam bagi mengerjakan ibadat itu berban-

HARIAN METRO 30/10/23 K/S:3
Pancing mangsa tunai umrah guna kaedah MLM

ding ibadah haji yang agak terhad. "Dianggarkan lebih 300,000 umat Islam mengerjakan umrah setiap tahun dan jika jumlah (jemaah) itu dikira berdasarkan harga cadangan (RM7,890) seorang seperti disarankan Kementerian, ia bernilai lebih RM2.7 bilion.

"Ia antara industri besar dan antara peyumbang terbesar kepada pendapatan. Apabila saiz sudah sebesar itu maka ia menarik minat ramai pihak yang akhirnya berlaku banyak penipuan demi mengaut keuntungan.

"Ini kerana permintaan (pelanggan) itu memang sudah sedia ada, umat Islam ini mahu buat umrah kerana nak pergi haji ada kuota tetapi umrah sesiapa saja boleh pergi," katanya pada sesi temubual eksklusif bersama Harian Metro baru-baru ini.

Menurutnya, pihaknya terima 189 aduan berhubung kes penipuan pakej umrah setakat September lalu yang mana jumlah itu hampir tiga kali ganda dari jumlah aduan pada tahun lalu.

Katanya, peningkatan aduan sebanyak 115 peratus dicatatkan berbanding hanya 74 aduan yang diterima bagi tempoh sama tahun lalu.

"Keseluruhan jumlah kerugian berdasarkan aduan yang diterima adalah kira-kira RM10 juta membabitkan mangsa daripada pelbagai lapisan masyarakat dan penggunaan beberapa modus operandi.

"Pelbagai alasan diberikan termasuk kenaikan kos penginapan dan pe-

ngangkutan di Arab Saudi tetapi apabila kami minta syarikat kemukakan bukti (tempahan, emel, dokumen berkaitan) tidak pernah mereka berikan.

"Tidak mungkin satu industri (perhotelan) antarabangsa tiada surat menyurat jadi saya percaya mereka (syarikat) buat perjanjian dengan pihak ketiga untuk dapatkan penginapan," katanya.

Beliau berkata, pihaknya bekerjasama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam usaha membanteras kegiatan tidak bermoral dilakukan syarikat dan individu-individu terbabit.

"Sebanyak 235 individu dan syarikat disenarai di bawah pemerhatian kerana melanggar Akta Industri Pelancongan 1992 dan senarai ini boleh dirujuk di laman web Motac (www.motac.gov.my/se-makan) untuk panduan orang ramai ketika berurusan.

"Kerajaan juga sudah menubuhkan Majlis Kawal Selia Umrah (MSKU) bagi menangani kes penipuan umrah yang berleluasa," katanya.



“
Jumlah keseluruhan adalah kira-kira RM10 juta
 Roslan

ROSLAN